

08 SEP 1998

LEAD Mahathir-Bersara

DR MAHATHIR KATA BELIAU SUDAH RANCANG UNTUK BERSARA TAHUN INI

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan hari ini bahawa beliau sudah merancang untuk bersara tahun ini, dengan itu membuka jalan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim mengambil alih tugas beliau.

"Saya sedih keadaan menjadi begini," kata beliau, merujuk kepada pelucutan Anwar daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan minggu lepas ketika timbulnya tuduhan-tuduhan perlakuan sumbang terhadapnya.

"Saya sudah berfikir-fikir untuk bersara tahun ini... saya bercuti tahun lepas (selama dua bulan) untuk memberi peluang kepadanya memimpin negara," kata Dr Mahathir.

"Kalaupun tidak kerana masalah ekonomi, saya sudah mengundurkan diri. Malangnya, saya rasa saya perlu meneruskan tugas saya, memberi khidmat melalui pengalaman saya bagi mencari penyelesaian kepada sesetengah masalah ini," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas pertemuan dengan pemimpin Umno peringkat akar umbi dari seluruh negara untuk menjelaskan sebab-sebab pelucutan jawatan Anwar dalam kabinet dan pemecatannya daripada Umno.

Dr Mahathir yang berkata pada majlis lain awal hari ini bahawa Anwar dilucutkan jawatan kerana "moral yang rendah" juga ditanya berapa lama kegiatan tidak bermoral itu yang dikatakan dilakukan oleh Anwar berterusan.

Beliau berkata: "Sudah lama dah tetapi saya baru tahu.

Ketika ditanya sama ada beliau akan menjelaskan kepada seluruh rakyat mengenai kes Anwar, Perdana Menteri berkata: "Saya tidak perlu memberi penjelasan kepada rakyat secara keseluruhan.

"Saya tidak melakukan ini kepada orang yang saya sendiri pilih. Mengapa harus saya melakukan kepadanya. Saya mempunyai banyak musuh. Saya mahu melakukannya kepada mereka," kata beliau.

Mengenai dakwaan seks dan salah laku lain terhadap Anwar, Perdana Menteri berkata beliau tidak memilih tuduhan yang terlalu sulkar untuk dijelaskan dan terlalu sukar untuk rakyat menerimanya.

Dr Mahathir berkata latar belakang agama pada Anwar adalah sangat baik.

"Saya sepatutnya mencari alasan lain tetapi malangnya tiada alasan lain."

Mengenai sama ada Anwar akan ditahan, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu."

Anwar telah menafikan dakwaan itu dan berkata beliau mangsa konspirasi politik peringkat tinggi.

Kepada ini, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak boleh berkata yang saya tidak tahu. Tetapi apa yang saya tahu sudah cukup untuk memberitahu saya beliau tidak layak. Saya tidak berpendapat ia berkaitan dengan politik".

Mengenai pendapat Anwar yang beliau dipecat kerana anggapan beliau akan mencabar Perdana Menteri (sebagai presiden Umno), Dr Mahathir berkata beliau boleh mempertahankan diri memandangkan beliau juga mempunyai sokongan yang cukup dalam parti.

Tetapi Dr Mahathir mengakui yang beliau mempunyai perbezaan pendapat dengan Anwar berhubung pengurusan ekonomi negara.

"Jikapun beliau berbeza daripada saya, saya agak yakin dapat memujuk beliau untuk berkongsi pendapat dengan saya dan cara saya melakukan sesuatu. Itu saya tidak kisah tetapi tuduhan terhadap perkara-perkara lain

saya tidak dapat terima, parti tidak boleh terima," katanya.

Ditanya apa yang akan berlaku pada Anwar jika polis tidak mempunyai alasan kukuh untuk menahannya, Dr Mahathir berkata selagi yang beliau tahu beliau agak yakin (mengenai tuduhan-tuduhan itu).

"Melainkan polis tahu sesuatu yang saya tidak tahu yang begitu jelas membuktikan beliau tidak bersalah, saya tidak berpendapat yang beliau akan kembali," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau tidak yakin dengan penafian Anwar, dan berkata sehinggalah Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton pun menafikan pembabitannya dalam skandal seks.

"Siapa pernah cerita bahawa dia jahat," katanya

Ketika ditanya sama ada Anwar telah mengaku melakukan mana-mana daripada perlakuan salahlaku seperti didakwa, Dr Mahathir berkata, "Dia hanya mengaku bahawa dia setakat manusia biasa tetapi adalah benda dia buat seperti manusia lain buat. Tetapi dia menafikan tentang apa yang terdapat dalam dakwaan (melakukan perkara sumbang).

Pada pendapatnya, adalah tidak wajar bagi Anwar melakukan perlakuan sumbang sedangkan beliau menonjolkan dirinya sebagai seorang yang warak.

"Tetapi seperti mana kita tahu, dia mengadakan cerita bahawa dia seorang yang warak, boleh menjadi imam dan membaca khutbah, jadi tidak sesuai dengan apa yang dilakukannya).

"Perkara terakhir yang saya perlukan pada ketika ini ketika kitacuba menangani krisis ekonomi ialah satu lagi krisis tetapi saya mempunyai cara untuk mengelaknya", kata beliau.

Mengenai sesetengah pemimpin Umno yang menyokong beliau tetapi dilihat berada di rumah Anwar selepas pemecatannya, Dr Mahathir berkata saya tak boleh baca apa ada dalam hati orang).

Dr Mahathir juga berkata Anwar telah diberi peluang untuk membela diri tidak seperti orang lain yang beliau (Anwar) sebagai pengerusi Jawatankuasa Disiplin parti telah mengambil tindakan pada masa lalu.

"Mereka yang dikenakan tindakan disiplin tidak diberi peluang seperti diberi kepadanya. Berhubung dengan perkara yang membabitkan parti, kita telah mengenyahkan banyak orang yang didapati tidak bersalah seperti yang berlaku kepada seorang daripada pemimpin baru-baru ini.

"Mereka dihadapkan ke mahkamah dan didapati tidak bersalah tetapi mereka masih tidak kembali ke dalam parti. UMNO mempunyai kriteria tertentu. Jika kita berpegang kepada keputusan mahkamah sahaja tanpa mengambil kira tanggapan masyarakat, maka kita melakukan sesuatu yang silap.

"Justeru itu, kita mengambil kira tanggapan masyarakat dan kita bertindak bukan semata-mata kerana mahkamah mendapati orang itu bersalah atau tidak bersalah. Kita sebenarnya lebih tegas daripada mahkamah.

Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan cara kes anwar dikendalikan dan Anwar telah diberi peluang untuk meletak jawatan supaya perkembangan tidaklah sampai jadi begini.

Tetapi Anwar mempertahankan yang beliau tidak bersalah, kata Dr Mahathir. "Jadi, sekarang beliau perlu membuktikan beliau tidak bersalah."

Perdana Menteri berkata apabila beliau bersemuka dengan Anwar berhubung dengan dakwaan itu, Anwar memberitanya bahawa semua dakwaan itu bohong belaka dan bahawa banyak orang berkomplot untuk menjatuhkannya.

"Beliau hampir paranoid".

Ketika ditanya orang seperti manakah yang beliau kehendaki sebagai timbalan perdana menteri, Dr Mahathir berkata: "saya bukannya mencari orang yang warak atau seperti itu tetapi saya cuma mencari orang biasa"

Dr Mahathir juga ditanya mengenai ketidakhadiran Ketua Pemuda UMNO Datuk Ahmad Zahid Hamidi pada perjumpaan hari ini.

Beliau berkata: "Orang cerita dia sakit."

Gesaan telah dibuat dari kalangan sayap pemuda supaya Zahid mengundur

diri kerana gagal menyatakan pendirian mengenai isu pemecatan Anwar
daripada parti.

-- BERNAMA

ES HS FAZ